



06 Mar 2019

Berita Harian (Sabah and Sarawak), Malaysia

Author: No author available • Section: News • Page: 2 • Printed size: 179.00cm²

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 1,698.00

Item ID: MY0035308976

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Kilang tebuk meter elektrik kena serbu

Kota Kinabalu: Sebuah kilang sejuk beku di sini, dikesan menebuk penutup pada pepasangan meter elektrik supaya alat itu tidak merekodkan bacaan sebenar, sekali gus membolehkan pemilik premis membayar bil lebih rendah.

Kilang itu semalam diserbu sepasukan pegawai dan anggota Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di kawasan industri di Lok Kawi, Penampang, jam 10 pagi semalam.

Timbalan Pengarah Perancangan dan Penyelaras Penyuatuasaan ST, Ir Shafie Mohamad, berkata kilang itu antara lima premis yang diserbu

kerana disyaki melakukan pengubahaian pada pepasangan meter elektrik sehingga menyebabkan ia gagal merekodkan bacaan dengan sempurna.

"Hasil serbuan di kilang itu mendapatki meter elektrik disyaki diusik dengan cara menebuk meter elektrik untuk tujuan mengusik bacaan sebenar pada meter elektrik berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati kegiatan ini disyaki sudah dilakukan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum dapat dikesan," katanya ditemui selepas serbuan itu di kilang berkenaan, semalam.

Katanya, selain kilang itu, pihaknya turut menjalankan

serbuan di empat lagi premis di sekitar bandar raya ini termasuk sebuah premis serbaneka.

"Kelima-lima premis ini diserbu kerana disyaki melakukan pengusikan pada pemasangan meter elektrik.

"Siasatan masih dijalankan bagi mengetahui jumlah sebenar kerugian yang ditanggung oleh SESB," katanya.

Denda sehingga RM1 juta

Beliau berkata, pemilik-pemilik premis ini boleh didakwa mengikut Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

"Jika sabit kesalahan, denda sehingga RM1 juta atau penjarra sehingga lima tahun boleh

dikenakan untuk kesalahan pertama.

"Denda hingga RM5 juta atau penjara hingga 10 tahun atau kedua-duanya pula boleh dikenakan untuk kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.

Sehubungan itu, Shafie meningkatkan orang ramai supaya tidak melakukan apa-apa pengusikan pada pepasangan meter atau melakukan sebarang kegiatan penggunaan elektrik secara curang kerana ia bukan saja menyalahi undang-undang, malah boleh mengundang bahaya kepada orang ramai apabila aspek keselamatan elektrik diabaikan.



06 Mar 2019

Berita Harian (Sabah and Sarawak), Malaysia

Author: No author available • Section: News • Page: 2 • Printed size: 179.00cm²

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 1,698.00

Item ID: MY0035308976

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Kinabalu: Sebuah kilang sejuk beku di sini, dikesan menebak penutup pada pepasangan meter elektrik supaya alat itu tidak merekodkan bacaan sebenar, sekali gus membolehkan pemilik premis membayar bil lebih rendah. Kilang itu semalam diserbu sepasukan pegawai dan anggota Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di kawasan industri di Lok Kawi, Penampang, jam 10 pagi semalam.